



KENYATAAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-38

**PELAKSANAAN INISIATIF
BELANJAWAN 2021, PERMAI,
KITA PRIHATIN, PENJANA DAN PRIHATIN**

27 Januari 2021



PENGENALAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh,

1. Kita berjumpa lagi di sesi ulasan Laporan LAKSANA ke-38 ini. Saya harap semua di luar sana berada dalam keadaan yang selamat, sama ada di rumah, ataupun di tempat kerja bagi mereka yang masih dibenarkan untuk bertugas.
2. Minggu ini kita melihat kes pulih harian tertinggi negara di mana 4,427 individu disahkan pulih daripada COVID-19 pada 24 Januari lepas. Harapan kita adalah trend ini akan berterusan, dan menaikkan semangat kita, untuk terus mematuhi SOP dengan lebih ketat lagi untuk membendung wabak ini.
3. Izinkan saya memulakan laporan ini dengan sedikit ulasan tentang isu semasa, dan diikuti dengan status pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama Kerajaan iaitu Pakej Bantuan PERMAI, Belanjawan 2021, Pakej Rangsangan Ekonomi PENJANA, dan Pakej KITA PRIHATIN. Status pelaksanaan inisiatif Pakej PRIHATIN yang masih berjalan boleh disemak di Lampiran 1.

ULASAN ISU SEMASA – Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2021 dan Pakej Bantuan PERMAI

Saudara dan saudari sekalian,

4. Sebelum saya mulakan, izinkan saya menyingkap semula tentang paksi inisiatif-inisiatif Kementerian Kewangan, termasuk Belanjawan 2021 yang sentiasa berkisar tentang tiga matlamat utama iaitu **kesejahteraan Rakyat, kelangsungan perniagaan dan**

ketahanan ekonomi. Baru-baru ini pula pendekatan ini diperkembangkan lagi melalui Pakej Bantuan PERMAI yang dirangka untuk **mempercepatkan dan memperluaskan skop penyampaian, serta menambah peruntukan** di mana perlu.

5. Inilah peranan Kerajaan – **untuk memastikan segala keperluan kewangan dan peralatan ada tersedia.** Berita baik adalah inisiatif Belanjawan 2021 serta PERMAI sudah pun mula berjalan, dan saya ingin berkongsi manfaat pendekatan inisiatif-inisiatif ini yang menyentuh pelbagai aspek komuniti kita.

Pendekatan PERMAI – Mempercepatkan, Memperluaskan skop, Menambah Peruntukan



Lawatan SJR Tol Jalan Duta



Lawatan Hospital Sungai Buloh

6. Minggu lepas saya sempat melihat dengan mata sendiri bagaimana keadaan di kawasan tumpuan *frontliners* kita seperti di sekatan-sekatan jalan raya serta di Hospital Sungai Buloh.
7. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan **banyak-banyak terima kasih kepada para barisan hadapan yang masih begitu bertekad melindungi Rakyat dalam keadaan kes baharu COVID-19 masih di paras tinggi sekarang ini.** Sektor kesihatan awam kita contohnya sangat memerlukan kerjasama semua untuk memutuskan rantaian jangkitan, sekaligus mengurangkan tekanan terhadap sistem kesihatan kebangsaan.
8. Bagi laporan LAKSANA minggu ini, saya ingin memberi pencerahan mengenai beberapa perkara berbangkit:
 - a. **Pertama**, ada yang keliru mengenai **bayaran Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0).** **Fasa Kedua BPN 2.0** dengan nilai **RM2.38 bilion** telah mula disalurkan bermula **21 Januari 2021.** Saya ingin memohon agar penerima bersabar, kerana ini adalah satu jumlah yang besar, dan memerlukan sekurang-kurangnya seminggu untuk pengkreditan sepenuhnya kepada semua penerima. Saya juga ingin berkongsi bahawa:
 - i. **Dari 21-24 Januari 2021, sebanyak 6.4 juta akaun telah dikreditkan;**
 - ii. **Dari 25-29 Januari 2021, 3.8 juta akaun sedang atau akan dikreditkan;**
 - iii. **Mulai 25 Januari 2021, dalam 750,000 penerima yang tiada akaun bank sudah mula membuat tuntutan tunai di Cawangan BSN di Semenanjung Malaysia bagi penerima B40 dan M40.**

Kerajaan berharap bantuan yang dipercepatkan ini sedikit sebanyak dapat membantu aliran tunai **11.06 juta penerima bujang dan isi rumah** di saat PKP ini.

- b. **Kedua**, ada yang mengeluh bahawa **Program Subsidi Upah (PSU 3.0)** yang ditambahbaik melalui Pakej Bantuan PERMAI tidak mencukupi. Saya ingin mengulangi bahawa langkah PSU 3.0 ini perlu dilihat bersama bantuan-bantuan lain, dan tidak patut dilihat secara bersendirian. Izinkan saya memberi penjelasan:
- i. **Peruntukan terkini bagi PSU pada tahun 2021 ialah RM3 bilion:** Dengan perluasan skop untuk SEMUA syarikat terjejas PKP, **PSU 3.0 akan menerima penambahan peruntukan RM500 juta lagi, menjadikan jumlahnya RM1.5 bilion di bawah PERMAI.** Ini adalah penambahan kepada RM1.5 bilion yang diumumkan semasa Belanjawan 2021. Ini juga bermakna bahawa **program PSU yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi tahun 2020 dan 2021 secara keseluruhannya bernilai RM20.7 bilion.**
 - ii. Selain dari jumlah RM3 bilion di bawah PSU 2021, Kerajaan juga memperuntukkan **RM3.7 bilion di bawah program penajaan pekerjaan di bawah Belanjawan 2021** yang baru dimulakan. Ini juga merangkumi **program insentif pengambilan pekerja** bagi majikan dan perniagaan.
 - iii. Saya juga ingin mengingatkan bahawa **kadar sewa premis perniagaan MARA diturunkan 30%**, manakala **insentif cukai bagi mereka yang memberikan kemudahan yang sama dilanjutkan kepada semua penyewa perniagaan**, berbanding hanya penyewa PKS sebelum ini.
 - iv. Banyak lagi bantuan yang boleh dimanfaatkan oleh majikan dan perniagaan. Maklumat lanjut boleh didapati dari portal Belanjawan 2021 di <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/>, yang menyenaraikan semua manfaat Belanjawan 2021.
- c. **Ketiga**, bagi bayaran *one-off* kepada pemandu bas, teksi dan pemandu *e-hailing*, ada yang bertanya bagaimana bayaran ini akan disalurkan kepada mereka. Suka saya jelaskan bahawa **bayaran akan dikelolakan oleh Kementerian Pengangkutan dan maklumat lanjut boleh didapati di pautan <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/permai/>.**
- d. **Keempat**, bagi **Geran Khas Prihatin PERMAI, atau GKP PERMAI**, saya pasti ramai PKS mikro yang tertanya-tanya bagaimana manfaat ini boleh didapati. Berikutan pelaksanaan PKP di hampir seluruh negara kecuali Sarawak, **GKP PERMAI akan menerima suntikan tambahan RM150 juta, menjadikan jumlah keseluruhan RM800 juta.** Bagi PKS mikro yang telah pun menerima GKP sebelum ini, mereka tidak perlu mendaftar semula dan bantuan RM1,000 akan **terus dikreditkan ke dalam akaun mereka.** Soalan-solan lazim mengenai GKP PERMAI ini boleh didapati di pautan LHDN seperti berikut:
<https://gkp.hasil.gov.my/>

- e. Untuk makluman semua, Kerajaan telah menyalurkan sebanyak **RM2.55 bilion** kepada PKS mikro melalui program GKP dan GKP 2.0. Dengan GKP PERMAI, jumlah keseluruhan yang telah atau akan disalurkan kepada rakyat adalah berjumlah **RM3.35 bilion**, hanya untuk langkah GKP sahaja.

Belanjawan 2021: Pakej Rangsangan Ekonomi Tahun Ini

9. Dari segi melindungi rakyat dan memperbaiki ekonomi negara kita, saya ingin mengulangi bahawa **Belanjawan 2021 adalah Pakej Rangsangan Ekonomi Malaysia bagi tahun 2021**. Pakej Bantuan PERMAI pula adalah satu **pakej tambahan untuk merapatkan jurang pelaksanaan di antara waktu bencana banjir dan pengisytiharaan PKP dengan langkah-langkah Belanjawan 2021**. Harapan kita, PERMAI *can bridge the gap* dan dapat melaraskan semula pemulihan ekonomi seperti yang dirancang Kerajaan melalui Belanjawan 2021.
10. Izinkan saya menyentuh mengenai pelaksanaan beberapa langkah-langkah Belanjawan 2021:
 - a. **Pertama, Fasa Pertama Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang dipercepatkan daripada bulan Mei kepada hujung bulan Februari**. Saya ingin mengulangi bahawa **proses permohonan baru BPR sudah dibuka sehingga 15 Februari melalui pautan <https://bpr.hasil.gov.my>**. Diharapkan bantuan ini dapat memanfaatkan lebih 8 juta penerima B40 yang lulus di bawah BPN 2.0 dan Bantuan Sara Hidup 2020 (BSH 2020), serta mereka yang lulus permohonan baru nanti.
 - b. **Kedua**, terima kasih saya ucapkan kepada Kementerian Pendidikan yang bekerjasama rapat dengan Yayasan Hasanah untuk mempercepatkan **penyampaian 150,000 komputer riba oleh GLC dan GLIC bermula bulan Februari ini** bagi memastikan anak-anak kita dari keluarga B40 dapat meneruskan pelajaran secara dalam talian walaupun dari rumah. Ini adalah salah satu cara kita memanfaatkan ekosistem Kerajaan bagi membantu golongan yang memerlukan. Ini juga bukan kali pertama Yayasan Hasanah berganding bahu dengan Kementerian Pendidikan bagi menyumbang kepada perkembangan sektor pendidikan terutamanya bagi pelajar-pelajar di luar bandar. Untuk pengetahuan umum, dari tahun 2015 hingga 2019, Yayasan Hasanah telah membelanjakan sebanyak RM363 juta untuk tujuan ini.
11. Bagi saya, **pelaksanaan yang berhasil adalah lebih penting daripada angka-angka peruntukan yang saya nyatakan tadi**. Ulasan pendek ini sahaja sudah menyentuh pelbagai inisiatif untuk Rakyat dan perniagaan. Yang penting sekali, **agensi dan Kementerian akan terus memudah cara proses penyaluran bantuan supaya semua pihak yang memerlukan akan disokong untuk bertahan atau bangun semula**. Ini juga sebab utama Laporan LAKSANA ini dihebahkan setiap minggu, selain dari segi aspek ketelusan.

12. Saya harap para pembaca dapatlah pergi ke laman-laman sesawang yang kita tunjukkan serta agensi-agensi terlibat, untuk mengetahui lebih lanjut dan mendaftar untuk menerima bantuan-bantuan ini.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

Saudara dan saudari sekalian,

13. Sekarang saya akan ke ulasan Pakej PENJANA setakat **15 Januari 2021**. Pakej ini berpaksikan tiga matlamat iaitu **Memperkasakan Rakyat, Melonjakkan Perniagaan dan Merangsang Ekonomi**.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

14. **Pertama**, menyentuh tentang Matlamat Memperkasakan Rakyat, **Program Subsidi Upah Fasa Pertama (PSU 1.0)** masih berjalan, seperti yang saya nyatakan tadi. Program ini telah mencapai nilai penyaluran **RM12.702 bilion** untuk 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja yang didaftarkan. Saya akan sentuh tentang PSU 2.0 selanjutnya di laporan ini.

PSU 1.0

Tarikh Setakat	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
15 Januari	12.702	2.640	322,177
8 Januari	12.686	2.640	322,177
1 Januari	12.682	2.640	322,177
25 Disember	12.682	2.640	322,177
27 November	12.524	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

**Jumlah kumulatif*

15. **Kedua, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Terdapat sedikit peningkatan dari segi individu yang dapat mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan kepada **134,179** individu (daripada 134,137 individu pada minggu sebelumnya). Pautan Kementerian Kewangan ada menyenaraikan kursus-kursus yang mendapat permintaan, manakala mereka yang berminat boleh melayari laman web agensi-agensi Kerajaan terlibat untuk mendapatkan maklumat berkaitan.

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	<i>SME Development</i>
		<i>Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)</i>
		<i>Place & Train</i>
		<i>Gerak Insan Gemilang (GIG)</i>
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	<i>Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council (ECER)	<i>ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)	<i>JomNiaga@NCER</i>
		<i>JomKerja@NCER</i>
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	<i>Pembangunan Kemahiran Komuniti</i>
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	<i>Program Ekonomi Gig</i>
		<i>Program Keusahawanan</i>

16. **Ketiga, subsidi pengangkutan awam My30** yang sudah dilanjutkan kepada tahun 2021. Sejumlah **751,414** pas bulanan perjalanan tanpa had ini telah dijual, dan melibatkan subsidi sebanyak **RM127.74 juta** (tiada peningkatan berbanding minggu sebelumnya). Saya dimaklumkan bahawa Kerajaan sedang mempromosikan pas My30 ini dengan inisiatif “beli satu percuma satu” sehingga bulan Mac ini. Saya harap penambahbaikan ini akan terus membantu dari segi kos pengangkutan awam bagi Rakyat Malaysia.

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

Saudara dan saudari sekalian,

17. Sekarang kita terus ke Matlamat kedua iaitu Melonjakkan Perniagaan.
18. **Pertama, Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau *TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)*** khas untuk PKS Mikro dengan dana RM100 juta. Saya ingin menyatakan bahawa skim ini telah mencapai objektifnya dengan memanfaatkan **14,946 PKS Mikro**. Pada masa sama, masih terdapat inisiatif pembiayaan yang tersedia di bawah Matlamat ini termasuk **Pembiayaan PKS PENJANA bernilai RM2 bilion**, serta **Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA bernilai RM1 bilion**, juga untuk PKS dan PKS mikro.
19. **Kedua, Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).** Sebanyak **RM328.1 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **9,652 PKS Mikro**.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
15 Januari	9,652	328.1
8 Januari	9,358	320.0
1 Januari	8,936	307.2
25 Disember	8,158	282.8
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

20. **Ketiga, *Bumiputera Relief Financing (BRF)*** yang telah diperkenalkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dengan dana RM200 juta, di mana **437 PKS** telah menerima dana sebanyak **RM118.8 juta** (berbanding 389 PKS dengan jumlah RM105.6 juta pada minggu sebelumnya).
21. **Keempat, Sokongan Penggunaan Teknikal dan Digital bagi PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC).** Setakat ini **RM23.4 juta** telah disalurkan kepada **5,941 perniagaan** dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi.

Tarikh Setakat	Permohonan Disalurkan*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
15 Januari	5,941	23.4
8 Januari	5,941	23.4
1 Januari	5,691	21.5
25 Disember	5,691	21.5
27 November	3,274	12.0
30 Oktober	1,134	6.7
25 September	439	1.5

*Jumlah kumulatif

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

Saudara dan saudari yang saya hormati,

22. Kita kupas matlamat ketiga PENJANA iaitu **Merangsang Ekonomi**.
23. Ini termasuk **sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan** bernilai **RM400 juta** bagi golongan petani, peladang dan nelayan. Di bawah skim ini, sebanyak **RM74.5 juta** telah disalurkan kepada **7,012 PKS Mikro pertanian** (berbanding dengan jumlah RM71.3 juta kepada 6,748 PKS Mikro pertanian pada minggu sebelumnya).
24. Matlamat Merangsang Ekonomi ini turut merangkumi inisiatif-inisiatif yang masih berterusan, antara lainnya termasuk **pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel sehingga 30 Jun 2021** untuk membantu pengusaha sektor pelancongan, serta **pelepasan cukai jualan bagi kenderaan penumpang** bagi merancakkan sektor automotif negara.

KITA PRIHATIN (Kerangka Inisiatif Tambahan Khas PRIHATIN)

Saudara dan saudari sekalian,

25. Kita teruskan dengan inisiatif di bawah pakej KITA PRIHATIN. **Pertama, bagi Geran Khas PRIHATIN (GKP) 2.0**, proses semakan permohonan baru dan rayuan sedang melalui proses semak silang antara LHDN dan Pihak Berkuasa Tempatan, dan keputusan akan diumumkan dalam masa terdekat. **Tarikh pembayaran disasarkan akan dibuat pada bulan Mac 2021**, InsyaAllah.
26. **Kedua, Program Subsidi Upah Fasa Dua (PSU 2.0) di bawah pakej KITA PRIHATIN**. Sejumlah **RM590.35 juta** telah disalurkan kepada **57,146 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **475,510 pekerja**. Seperti yang dinyatakan semasa Belanjawan 2021, PSU bersasar juga diperkenalkan bagi membantu sektor pelancongan dan peruncitan, manakala kesemua sektor yang terkesan oleh pelaksanaan PKP tahun ini adalah layak untuk menerima sokongan PSU 3.0 di bawah Pakej Bantuan PERMAI.

PSU 2.0

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
15 Januari	590.35	475,510	57,146
8 Januari	590.35	475,510	57,146
1 Januari	457.14	445,255	52,998
25 Disember	418.67	420,193	51,022
27 November	239.73	307,420	39,203

*Jumlah Kumulatif

PENUTUP

27. Sebagai penutup, sekali lagi saya mengingatkan semua agar terus mengikuti SOP dalam menjalani aktiviti ekonomi dan kehidupan harian. Pemulihan ekonomi sebahagiannya bersandarkan kepada kemampuan kita untuk memutuskan rantai penularan wabak COVID-19.
28. Dalam pada itu, Kerajaan tidak akan berhenti memberikan sokongan terhadap kapasiti kesihatan awam, dan menjamin kelangsungan perniagaan serta melindungi punca rezeki Rakyat melalui bantuan yang akan diteruskan. Saya akhiri dengan serangkap pantun:

Banyaklah sepat ditunda pukat,
Hasil tangkapan di petang kala;
Demi Rakyat bantuan ditingkat,
Sektor terkesan dipulih semula.

29. Sekian, jaga diri dan *stay safe*. Terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
27 Januari 2021

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 15 Januari 2021 , jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM16.06 bilion melibatkan 5.05 juta penerima (berbanding berbanding RM14.77 bilion melibatkan 4.94 juta penerima pada minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 15 Januari 2021, sebanyak RM480.35 juta telah disalurkan berdasarkan 1,423,230 tuntutan (berbanding RM480.26 juta melibatkan 1,422,684 tuntutan pada minggu sebelumnya) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN																																									
4.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 15 Januari 2021, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.58 bilion yang akan memberi manfaat kepada 24,564 PKS. Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>15 Januari</td><td>11.58</td><td>24,564</td></tr> <tr> <td>8 Januari</td><td>11.58</td><td>24,564</td></tr> <tr> <td>1 Januari</td><td>11.54</td><td>24,519</td></tr> <tr> <td>25 Disember</td><td>11.29</td><td>24,012</td></tr> <tr> <td>27 November</td><td>11.13</td><td>23,711</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	15 Januari	11.58	24,564	8 Januari	11.58	24,564	1 Januari	11.54	24,519	25 Disember	11.29	24,012	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																							
15 Januari	11.58	24,564																																							
8 Januari	11.58	24,564																																							
1 Januari	11.54	24,519																																							
25 Disember	11.29	24,012																																							
27 November	11.13	23,711																																							
30 Oktober	10.87	23,305																																							
25 September	10.67	22,984																																							
28 Ogos	10.3	22,440																																							
Julai	9.6	21,410																																							
Jun	8.4	19,539																																							
Mei	6.9	16,833																																							
April	1.5	3,636																																							